



# Sarapan bersama: PELAJAR TAHUN AKHIR (IM1105D) DAN PENSYARAH PPSM

**Penulis: Sharin Sulaiman**

Sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat, para pelajar di bawah seiaan En. Sharin Bin Sulaiman telah mengambil inisiatif untuk mengadakan satu jamuan pagi bersama para pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat terutama yang pernah mengajar mereka dari semester 1 hingga semester akhir. Jamuan pagi ini diadakan pada 19 Januari 2024 hari Jumaat pada pukul 9.00 pagi bertempat di blok G bilik kuliah G109. Antara pensyarah yang hadir ialah En. Sharin Bin Sulaiman selaku Penasihat Akademik, Puan Norlida binti Ismailly, Dr Hajah Imilia binti Ibrahim, Puan Sabariah binti Abdul Samad, Puan Nurfaizah binti Kamarudin, Puan Zainon binti Haji Bibi, Ts Abdul Ismail bin Mohd Jawi dan Cik Nor Hayati binti Kassim dan seramai 17 orang mantee yang hadir manakala 3 lagi tidak dapat hadir atas urusan peribadi. Pensyarah yang lain turut dijemput namun tidak dapat menghadirkan diri atas komitmen kuliah dan peribadi. Antara jamuan yang dihidangkan ialah nasi lemak, bahun goreng, karpap, popia dan air minuman hasil usahasama para pelajar dan ada juga para pensyarah lain yang membawa bersama kuih muih dan air minuman kotak.

“

*Pasang Surut Behenti Dulu  
Sudah Pasang Baru Berangkat  
Teruskan Kalian Menghormati Guru  
Nasihat Dipegang Ilmu Diingat*

”

Setelah bersalaman, para pensyarah dan pelajar kemudiannya terus menjamu selera dengan hidangan yang telah disediakan. Perbualan berkisar tentang perancangan masa hadapan para pelajar setelah tamat pengajian Diploma Pengurusan Maklumat dan hala tuju seterusnya. Ada yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang pengurusan maklumat dan ada juga yang memilih untuk melanjutkan pengajian luar daripada bidang pengajian mereka seperti bidang pengurusan manusia dan sebagainya. Perasaan berbau antara seronok, bangga dan sedih kerana para pelajar ini adalah antara para pelajar yang baik budi dan menghormati para pensyarah yang mengajar mereka. Setelah beberapa minit berlalu, majlis diteruskan dengan ucapan penghargaan daripada salah seorang pelajar yang merakamkan jutaan terima kasih atas pengorbanan dan jasa baik para pensyarah untuk mendidik mereka. Majlis diteruskan dengan paparan video imbau kembali memori terindah mereka bersama para pensyarah. Selepas selepas paparan video tersebut, En. Sharin bin Sulaiman selaku penasihat akademik terus bingkang bangun dari tempat duduknya dan membuat ucapan tentang para pelajar yang diselia olehnya selama ini. Dalam ucapannya, beliau berharap agar para pelajar konsisten dalam mengejar impian masing – masing dan sentiasa mengekalkan ukhwah sesama sendiri termasuklah dengan para pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat.

Selesai daripada ucapan daripada En. Sharin Bin Sulaiman, majlis diteruskan dengan sesi bergambar kenang- kenangan bersama para pensyarah yang hadir pada pagi itu dan kemudian majlis bersurai. Dharapkan di masa hadapan, aktiviti seperti ini dapat diteruskan oleh



*Encik Abdul Ismail sedang mengamati juadah yang telah disediakan oleh pelajar-pelajar kelas 5D*

para pelajar lain bersama penasihat akademik masing – masing. Meskipun disambut sederhana namun ianya membawa seribu makna kepada para pensyarah dan pelajar terutama pelajar semester akhir. Hidangan yang tidak dihabiskan dibungkus dan diberikan kepada para pensyarah yang tidak dapat menghadirkan diri. Saya mewakili para pensyarah PPSM ingin mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada para pelajar semester 5 kumpulan IM1105D kerana sudi untuk menjemput kami ke jamuan pagi bersama kalian. Kami mendoakan agar kalian semua berjaya dunia dan akhirat serta menjadi seorang insan yang dapat meneruskan perjuangan demi bangsa, agama dan negara. Amin Allahumma Amin.



*Encik Abdul Ismail dan Encik Sharin (PA kelas 5D) bergambar kenangan bersama pelajar lelaki kelas 5D*